

PENGARUH KEBEBASAN MEDIA BAHRU TERHADAP PENGAMALAN AGAMA ISLAM: SATU TINJAUAN LITERATUR

Nazirah Abu Bakar

nazirah@islam.gov.my

Muhamad Faisal Ashaari

faisal@ukm.edu.my

*Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRAK

Sebagai sebuah yang mengamalkan sistem demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan seperti Malaysia, mengimbangi antara kawalan dan kebebasan media merupakan suatu cabaran yang besar terutamanya media baharu. Setakat mana kawalan dan kebebasan itu menjadi isu yang sering diperdebatkan dan ia terpulang kepada bagaimana cara negara berkenaan menjaga kepentingan nasionalnya. Di Malaysia, pihak kerajaan mengamalkan dasar langit terbuka dan membenarkan semua bentuk aplikasi media baharu melainkan yang bertindak melebihi batasan undang-undang sedia ada. Dalam suasana yang terbuka ini, ia dilihat membawa impak positif kepada masyarakat dan negara. Namun, dalam masa yang sama, media baharu turut bertanggungjawab membuka pintu fitnah dalam media baharu sehingga memerangkap masyarakat ke lembah mendakap pemikiran moden yang bertentangan dengan Islam. Ia juga berupaya mengancam sistem nilai yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sehingga muncul fenomena normalisasi yang menjadikan mereka menerima nilai baru yang barangkali berbeza dengan sistem nilai yang sedia ada. Artikel ini akan membincangkan mengenai kajian literatur pengaruh kebebasan media baharu terhadap pengamalan agama Islam dan pendekatan Islam dalam menangani permasalahan ini agar kebebasan media menjadi platform yang bermanfaat kepada masyarakat khususnya umat Islam selari dengan prinsip-prinsip Islam yang telah digariskan.

Kata kunci : Kebebasan Media Baharu, Pengamalan Agama Islam

PENGENALAN

Penggunaan media baharu merupakan sesuatu yang sukar dikawal berikutan cabaran berkaitan kawalan akses kepada maklumat yang ditentukan oleh pengguna sendiri. Ia merupakan media yang sangat bebas dan terbuka untuk penyampaian dan penerimaan sebarang maklumat. Perkembangan media baharu yang pesat pada hari ini menunjukkan bahawa ia merupakan suatu medium yang cukup berpengaruh dan berupaya menjadi antara agen perubahan sesebuah negara. Walau pun ia mempunyai pelbagai manfaat, ia turut menatihkan kesan negatif yang besar kepada masyarakat dan negara. Ini bermakna, kesan buruk dan baik daripada media baharu adalah bergantung kepada bagaimana ia digunakan kerana ia mempunyai sisi positif dan sebaliknya.

Beberapa tahun sebelum ini, kita mendapati bahawa media baharu telah mencetuskan Arab Spring yang telah memberikan impak kepada kebangkitan rakyat. Rakyat di sana mereka tidak diberikan kebebasan memperolehi maklumat dan kebanyakannya akses kepada media dikawal rapi oleh rejim pemerintah. Namun keadaan ini berbeza sejurus berlakunya ledakan dan fenomena media baharu. Kebangkitan rakyat tercetus dan ada negara yang mengalami perubahan kuasa politik seperti Mesir dan Libya. Jika selama ini mereka berada di bawah tempurung kerana kawalan rapi terhadap penyebaran maklumat oleh pihak pemerintah namun kepesatan teknologi menerusi media baharu telah merubah segala-galanya. Pengguna berupaya meniup api kebangkitan rakyat bagi mengusir rejim pemerintah seperti Hosni Mubarak di Mesir dan Ben Ali di Tunisia menerusi medium ini.

Dalam masa yang sama, di Malaysia, analisis daripada Zawiyah Mohd Zain, Mohammad Agus dan Zaherudin Othman (2015) mendapati terjadinya reformasi bukan sahaja melalui media tradisional, bahkan media baharu turut berperanan dalam melahirkan demokrasi siber. Ia didapati menjadi medium pilihan rakyat untuk mendapatkan maklumat secara efektif dan telus. Namun di Malaysia, kebebasan yang berhasil ini bukanlah bererti kebebasan yang tiada batasan, ianya harus diseimbangkan dengan prosedur kawal selia oleh pihak kerajaan supaya keamanan dan kemakmuran negara dapat dipelihara.

Dahl (1999) menyatakan rakyat perlu diberikan kebebasan dalam berinteraksi dengan maklumat supaya mereka berupaya mengawal tingkah laku pemerintah dalam sistem negara berdemokrasi. Ini adalah untuk membolehkan pertukaran maklumat terjadi secara benar dan telus. Sebagai contoh, Finland dilaporkan menduduki tangga ketiga sebagai negara yang mempunyai kebebasan bersuara dan akses Internet termudah di

dunia (World Press Freedom Index 2017). Manakala, Netherlands pula berada di tangga kelima dalam senarai negara bebas bersuara turut mengamalkan kebebasan media yang sama namun dalam masa yang sama mereka masih mengawal selia maklumat yang disebarluaskan kepada rakyat (Klimkiewicz, 2010). Sebaliknya, Singapura mengambil sikap yang berbeza. Menurut George (2012), kerajaan Singapura amat berhati-hati dengan ancaman pembangkang dengan mewajibkan penggunaan lesen bagi setiap portal berita dan blog yang dibuat. Sebarang kritikan yang menentang kerajaan turut diarahkah supaya dipadam (Hamidah Aris 2013). Natijahnya Singapura berada di tangga ke 151 daripada 182 negara yang tersenarai dalam kebebasan bersuara (Worldpress Freedom Index 2017). Begitu juga dengan China yang mempunyai sekatan terhadap kebebasan maklumat dengan tidak membenarkan rakyatnya untuk membuat sebarang akses kepada Facebook.

Di Malaysia, penggunaan media baharu melonjak naik melalui pengawalan *state* terhadap kebebasan media. Menurut Yahya Abdul Rahman (2017), indeks demokrasi Malaysia terjejas dan mendapat kesan yang besar hasil daripada pelaksanaan kawalan ini. Akta-akta yang dibentuk termasuk Akta Komunikasi dan sebagainya disifatkan sebagai dikuasai sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Perubahan daripada media tradisional kepada media sosial dilaporkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2016) dengan peningkatan sebanyak 3 juta pengguna media sosial hanya dalam jarak masa dua tahun dari 2015 sehingga 2017. Ini secara tidak langsung telah merubah landskap politik Malaysia. Situasi ini selari dengan pandangan Mohd Azizuddin (2005) yang menyatakan bahawa media baharu lebih menjadi kegemaran masyarakat khususnya generasi muda yang berkehendakkan kepada perubahan, mengikut perkembangan zaman, kepantasannya perolehan maklumat dan gaya yang santai.

KEBEASAN DALAM MEDIA BAHARU

Bebas atau tidak dalam penggunaan media baharu adalah bergantung kepada bagaimana cara sesebuah negara mengambil ketetapan dalam menjaga kepentingan nasional. Terdapat pelbagai jenis sistem pentadbiran negara. Bagi negara demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan seperti Malaysia, mengimbangi antara kawalan dan kebebasan media semakin sukar dengan bertambahnya arus kepesatan media baharu, khususnya media sosial. (Wan Amizah & Muhammad Adnan, 2017). Perisian atas talian seperti *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, *WeChat*, *Twitter* dan termasuklah *Telegram* adalah media baharu yang kini menjadi tumpuan pengguna khususnya mereka yang memiliki akses Internet. (Ahmad Zahirudin & Faisal @ Ahmad Faisal, 2014)

Darsawarsa ini, media baharu dilihat lebih mendominasi berbanding dengan media tradisional seperti media cetak, media elektronik dan media komunikasi yang lain. Media baharu menawarkan pelbagai kemudahan yang tiada pada televisyen seperti teks, grafik, imej, audio, interaktif dan video. Jaringan media baharu yang cepat dan pantas iaitu menghimpunkan seluruh fungsi media yang lain seperti surat khabar, majalah, radio dan televisyen dalam satu masa (Siti Ezaleila & Azizah, 2011, Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddaffi 2015). Yang jelas, masyarakat kini mulai digantikan dengan struktur masyarakat jaringan yang menyaksikan komunikasi bersemuka digantikan dengan komunikasi maya. Ruangan siber kini menjadi tempat untuk orang ramai berkumpul dan membentuk kumpulan berdasarkan kepentingan dan minat masing-masing. Mereka memasuki ruang siber ini untuk pelbagai tujuan seperti mencari sahabat, hiburan, pendidikan, politik dan sebagainya (Siti Ezaleila & Azizah, 2011).

Tidak dinafikan bahawa media baharu memainkan peranan yang penting dalam pembinaan masyarakat. Dalam aspek ini media baharu bertindak sebagai agen sosialisasi masyarakat, ini kerana media baharu didapati menyumbang pelbagai impak dalam proses perubahan gaya hidup dalam segenap lapisan masyarakat. Media baharu juga dapat difahami sebagai wacana penyampaian maklumat dengan cara yang lebih moden dan terkini di mana iaanya melibatkan perbincangan di alam maya yang lebih bersifat santai, mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat. Mereka ini bebas mengkritik dan menyampaikan pandangan secara terang-terangan (Aminudin Basir et.al 2009, Norazleen Mohd Nor et.al 2011).

Menurut Wan Amizah & Muhammad Adnan (2017), walaupun penyampai maklumat bebas mengkritik dan menyampaikan pandangan secara terang-terangan, namun media baharu perlu dikawal dengan tapisan maklumat oleh pihak tertentu dalam apa juga kaedah. Antara yang digunakan adalah dengan menyekat, menapis, membatalkan ataupun mengharamkan sebarang maklumat yang ingin disampaikan kepada orang ramai. Kawalan yang dimaksudkan ini adalah satu proses penapisan maklumat dan idea-idea yang diedarkan dalam kalangan masyarakat sebelum disebarluaskan ke laman sosial.

MEDIA BAHARU DAN AGAMA

Media baharu boleh dianggap sebagai kuasa besar kerana keupayaannya dalam menyampaikan mesej merentasi sempadan masa dan jarak dengan kapasiti yang besar dan pantas. Medium ini menawarkan pelbagai bentuk maklumat baru seperti dialog dan perkongsian maklumat, blog, forum, rangkaian sosial, dan lain-lain perisian yang

membolehkan pelbagai pilihan dilakukan. Justeru, tidak hairan jika media baharu ini telah dimanipulasikan sebagai medium dakwah oleh pelbagai agama khususnya agama Islam sendiri (Fadzli Adam et.al 2015)

Dalam kepesatan media baharu ini, para pendakwah tidak terlepas dari merasai tempias kemajuan ini. Masyarakat Muslim kini sedang berhadapan dengan perubahan era teknologi maklumat dan komunikasi yang rata-ratanya mempengaruhi pemikiran dan kehidupan harian mereka. Justeru, perkembangan dakwah juga harus bergerak seiring dengan perkembangan zaman supaya pendekatan kontemporari dapat diaplikasikan dalam kaedah berdakwah. Wujudnya kepelbagaian portal dan laman sesawang ilmiah dilihat sebagai saluran alternatif kepada masyarakat terutama dalam proses membendung penularan maklumat palsu yang bertujuan meruntuhkan budaya, cara hidup dan nilai-nilai agama umat Islam secara khusus. (Nur Aina Mohd. Yaakop et.al 2013)

Tidak dinafikan kuasa media baharu berupaya memberi impak yang besar kepada penyebaran dakwah islamiyyah namun dalam masa yang sama turut berleluasa penyebaran ideologi sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Media ini telah berjaya mewujudkan satu aliran yang membolehkan manusia berinteraksi di antara satu sama lain tanpa batasan dan ia menjadi semakin signifikan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Impak jelas daripada penggunaan media baharu ini adalah dengan kebebasan bersuara dan mengekspresikan pandangan serta pendapat masing-masing tanpa mengendahkan nilai-nilai moral dan akhlak. (Norazleen Mohd Nor et.al 2011).

Masyarakat Melayu yang mendominasi populasi penduduk di negara ini terkenal dengan sistem nilai yang tinggi seperti sikap penampilan diri yang sederhana dan lemah lembut. Nilai murni yang menjadi teras kepada kehidupan masyarakat Melayu ini adalah dilatari oleh nilai akhlak ajaran Islam. Nilai murni yang digandingkan oleh ajaran Islam inilah yang membentuk perwatakan mulia dan jati diri orang Melayu sejak zaman dahulu lagi. Perubahan yang dialami di peringkat global seperti kemunculan media baharu turut mempengaruhi kepada corak kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang masih mengamalkan cara kehidupan seperti bersikap jujur, bertanggungjawab, menghormati dan berkongsi sama rata. Masyarakat Melayu yang mendiami di kawasan kampung turut juga menerima tempias sama daripada perubahan teknologi itu. Masyarakat Melayu mula secara perlahan meninggalkan dan tidak mengamalkan beberapa sistem nilai dalam kehidupan mereka.(Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddaffi 2015)

Perkembangan teknologi media baharu ini juga telah menjadi satu cabaran kepada sistem nilai yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Nilai moden yang mudah diperolehi daripada media baharu ini dilihat boleh mengancam sistem nilai masyarakat Melayu yang diamalkan diwarisi sejak kanak-kanak lagi. (Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddaffi 2015)

PENGARUH MEDIA BAHARU TERHADAP PENGAMALAN AGAMA

Berdasarkan penelitian oleh Nur Aina Mohd. Yaakop et.al (2013), teknologi yang ditonjolkan melalui media baharu ini adalah ruangan yang paling ideal dalam menyebarluaskan dakwah Islam. Ini kerana media baharu sudah tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat khususnya golongan remaja. Justeru, medan ini perlu digunakan sebaik-baiknya oleh para pendakwah untuk menyampaikan ilmu dan dakwah secara berhikmah. Namun apa yang dikhuatiri pada hari ini adalah kemunculan penulis-penulis yang berbicara mengenai agama dari pelbagai latar belakang pendidikan, bahkan yang amat dikhuatiri adalah penyebaran maklumat serta ilmu yang tidak diyakini kesahihannya. Oleh kerana penulis-penulis ini mempunyai gelaran, jawatan, selebriti, artis dan seumpamanya, maka masyarakat menerima apa sahaja yang ditulis tanpa menimbangtara kebenaran maklumat dan ilmu tersebut.

Dakwah daripada perspektif psikologi bermaksud satu proses mempengaruhi sasaran dakwah (*mad'u*) bagi mendorong perubahan pemikiran dan sikap mereka kepada kefahaman dan amalan yang sesuai dengan tuntutan agama Islam. Antara kaedah dakwah yang boleh digunakan adalah melalui penulisan menerusi medium media baharu ini. Ia dilihat berupaya memberikan kesan atau pengaruh kepada pengguna media ini selepas ia dibaca, maka seorang *da'i* (penulis) perlu memastikan sasaran dakwah (*mad'u*) mereka yang membaca, berasa seronok dan memahami mesej yang disampaikan seterusnya terdorong untuk mempraktiskan mesej dan saranan dalam penulisan tersebut. (Ahmad Zahirudin & Faisal @ Ahmad Faisal, 2014)

Walaupun sumbangan Internet dilihat relevan dengan konteks dakwah semasa, namun menurut Fadzli Adam et.al (2015) persoalan berkaitan media yang berfungsi sebagai medium penyebaran dakwah ini perlu dibincangkan secara lebih terperinci. Agama berkait rapat dengan kepercayaan dan tunjangnya adalah kepercayaan serta keyakinan diri terhadap Allah SWT. Media baru yang digunakan sebagai wasilah dalam menyebarluaskan maklumat pada masa kini dilihat begitu berbeza dengan medium pembelajaran agama dan dakwah sebagaimana yang dilakukan sebelum ini. Terdapat

beberapa isu utama yang menjadi perbahasan mengenai media antaranya kaedah pengajaran dan pembelajaran, cabaran konsep *mutawatir*, tuntutan integriti dan kawalan yang tinggi, adab berguru antara guru dan murid, serta masalah yang timbul disebabkan latar belakang pengguna yang pelbagai khususnya yang tidak ada asas agama Islam yang kukuh.

Kajian oleh Wan Norina Wan Hamat et.al (2014) ke atas seramai 397 orang pelajar semester akhir peringkat diploma dari 10 buah politeknik Malaysia, menunjukkan media massa banyak memberi pengaruh positif kepada pelajar dan mereka masih lagi dapat memilih antara yang berfaedah mahupun sebaliknya. Namun begitu, terdapat segelintir daripada pelajar mengakui bahawa mereka juga turut terpengaruh dengan penampilan akhlak negatif hasil daripada bahan rancangan media massa dalam negara.

Kajian oleh Aminudin Basir et.al (2009) terhadap media komunikasi dan belia turut menyokong kajian ini dengan menyatakan bahawa pengaruh media komunikasi begitu berpengaruh kepada golongan belia. Media baharu berupaya mempengaruhi sebilangan besar golongan remaja dan belia menerusi pelbagai informasi yang disajikan. Walaupun tidak semua program tersebut mendatangkan kesan yang negatif, namun tanpa bimbingan dan didikan yang baik serta pemilihan dan penapisan maklumat secara lebih teliti, dikhuatiri golongan tersebut membesar dengan pemikiran yang terjajah oleh media.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Musa Abu Hasan (2008) mendapati bahawa media baharu memberi kesan mendalam terhadap perubahan belia melibatkan tiga aspek utama iaitu emosi, kognitif dan psikomotor. Bahkan kajian beliau turut menunjukkan bahawa golongan remaja adalah yang paling aktif terlibat dalam perbincangan berkaitan penyebaran maklumat dan informasi terkini seperti wabak penyakit, bencana alam, isu politik dan isu keagamaan.

Di Jawa Timur sebagai contoh, kajian oleh Totok Wahyu Abadi et.al (2013) menyatakan bahawa pengguna yang paling kerap menggunakan jaringan internet ini adalah golongan remaja adalah mereka yang berumur di antara 15 tahun hingga 24 tahun. Jaringan komunikasi yang paling kerap digunakan secara online adalah *instant message, emails, chat room, text messaging, and social networking*. Menurut laporan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, golongan belia berumur antara 18 hingga 35 tahun adalah pengguna yang paling kerap memuat naik gambar-gambar swafoto dan video, memuat naik *status, menulis komenar, and*

seumpamanya. Secara positif, fenomena ini menandakan bahawa komunikasi media baharu mampu membantu meningkatkan hubungan sosial penggunanya sama ada di alam maya mahupun di dunia nyata. Namun dari sisi negatifnya, fenomena ini memberi isyarat bahawa komunikasi media baharu telah mengurangkan secara perlahan-lahan tahap keakraban hubungan sosial di alam nyata.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Muhamad Faisal Ashaari et.al (2017) ke atas 50 orang pelajar semester 1 yang mengikuti Kursus Dakwah, Universiti Kebangsaan Malaysia juga menunjukkan kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka banyak mencari maklumat berkaitan isu Syiah dan Murtad menggunakan Internet sebagai sumber maklumat utama berbanding mencari maklumat di dalam buku.

PENDEKATAN ISLAM DALAM PENGGUNAAN MEDIA BAHARU

Dari perspektif Islam, dakwah boleh dilakukan dengan apa cara sahaja mengikut budaya setempat selagi tidak bertentangan dengan syariat. Justeru, transformasi dakwah menerusi media baharu adalah tidak bertentangan sama sekali dengan agama. Media baharu berasaskan internet sama ada melalui *blog,facebook, twitter* dan sebagainya yang dilakukan dengan tujuan menyebarkan dakwah terhadap pengguna adalah penting berdasarkan keperluan semasa untuk melakukan kerja-kerja dakwah. Oleh kerana ia mampu menjadi senjata dakwah yang kuat, maka internet dilihat relevan dengan konteks dakwah semasa. Internet adalah media baharu yang tidak dapat dinafikan menjadi alat untuk menyampaikan maklumat dan pemikiran kepada masyarakat (Fadzli Adam et.al 2015).

Dakwah dalam pelaksanaannya haruslah sentiasa berpegang teguh terhadap apa yang telah digariskan oleh Allah SWT di dalam Al- Quran. Para pendakwah hendaklah sentiasa bersikap dengan "*bil-hikmah*" iaitu bersikap bijaksana dalam memilih cara yang tepat dan selaras dengan tahap budaya dan pemikiran masyarakat (*Qodri'uqulihim*), iaitu bersesuaian dengan tempat, keadaan, waktu dan zaman di mana dakwah itu dijalankan. (Isama-Ae Madiyoh. 2011)

Firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۖ وَجَادِهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (Al-Quran 16:125)

“Hikmah” sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat ini adalah termasuk kaedah yang terbaik dalam penyampaian dakwah. Maka, selari dengan perkembangan teknologi terkini, media baharu boleh dianggap sebagai salah satu dari kaedah terbaik ke arah tujuan tersebut. (Fadzli Adam et.al 2015)

Oleh kerana peranan media baharu sebagai medium penyampaian mesej kepada masyarakat secara meluas dan tanpa kawalan, maka sifat dan kesan sesuatu mesej itu amat wajar diberikan perhatian yang serius. Islam berperanan dalam mengatur sistem akhlak yang mampu mencetuskan dan menyemarakkan keharmonian dan ketenangan dalam kehidupan manusia. Lantaran itulah, Islam amat menitikberatkan penyampaian mesej yang baik serta kepentingannya kepada masyarakat. Mesej yang perlu dibawa ialah nilai yang baik meliputi unsur-unsur *al-bir* (kebijakan) dan *al-Taqwa* (ketakwaan). Ini kerana media baharu telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada agen perubahan yang membantu mencorakkan masyarakat.(Aminudin Basir et.al 2009). Oleh yang demikian, prinsip ini mestilah dipatuhi kerana ia adalah berteraskan kepada prinsip umum syariat sepertimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Ma’idah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۝ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الإِلْمُ وَالْعُدُوانِ ۝ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۝ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ۝

Maksudnya:

“...dan bertolong-tolonglah kamu di atas kebijakan dan takwa dan janganlah kamu tolong menolong di atas (perkara) dosa dan permusuhan, dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat keras seksaannya”. (Al-Quran 5:2)

Sayyid Qutb (2010) dalam tafsirannya mengenai ayat di atas menyebut bahawa Allah SWT menyarankan agar umat Islam saling bantu-membantu dalam kerja-kerja

kebijakan dan tidak pula dalam perkara dosa serta kejahatan. Kemudian, Allah SWT juga memerintahkan umat Islam agar bertakwa kepada-Nya kerana dengan sifat takwa tersebut akan dapat mengawal emosi mereka dan beroleh kasih sayang-Nya.

Islam amat mementingkan akhlak mulia kerana ianya menjadi ukuran nilai untuk dijadikan timbangan dan panduan dalam kehidupan manusia. Akhlak juga sebagai lambang keperibadian seseorang khususnya keperibadian seseorang Muslim (Jamilah Mohd Noor, 2014). Akhlak dilihat memainkan peranan penting dalam penggunaan media baharu. Tanpa penghayatan akhlak, media baharu sudah pasti membuka ruang keruntuhan nilai-nilai yang baik dalam masyarakat. Menyedari kepentingan akhlak dalam media baharu ini, Aminudin Basir et.al (2009) memetik dari Al-Qaradhawi (1996) menyatakan bahawa Islam mensyariatkan penerapan nilai akhlak mulia serta menerapkannya di dalam semua sudut aktiviti kehidupan manusia termasuklah dalam penggunaan media baharu, ini kerana akhlak itu melibatkan kesan, ganjaran serta balasan di dunia dan akhirat.

Peranan media baharu juga perlulah bertitik tolak daripada prinsip *al-amru bi al-ma'ruf waal-nahy 'an al-munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran). Prinsip ini adalah sebagai kayu ukur terhadap peranan media baharu itu sendiri bagi menjamin pemeliharaan terhadap *al-maqasidal-syar'iyyah*. Ini bermakna peranan media baharu yang dibentuk seharusnya berlegar di sekitar *al-maqasid al-syar'iyyah* itu sendiri. Aminudin Basir et.al (2009) memetik dari al-'Alim (1991) bahawa lima prinsip *al-maqasid al-syar'iyyah* sebagai dasar penggubalan undang-undang dan akta media baharu tersebut ialah:

1. Memelihara agama
2. Memelihara nyawa
3. Memelihara keturunan
4. Memelihara akal
5. Memelihara harta.

Dalam persoalan memelihara agama, media baharu perlulah menyampaikan mesej yang bersifat memelihara dan memperteguh pegangan agama seseorang, terutama yang menyentuh secara langsung atau tidak berkenaan permasalahan aqidah, syariah dan akhlak (Aminudin Basir et.al 2009)

Bagi tujuan penggunaan media baharu khususnya penulisan di laman *facebook* untuk mendapatkan sumber pengetahuan agama pula, pengguna harus memahami bahawa sebarang maklumat itu datang dari kepelbagaian latar belakang penulis. Sebahagian

daripada mereka hanya berniat untuk menyiar maklumat, menyalin dan kemudian disebarluaskan tanpa menitik beratkan sumber kesahihannya. Menurut Fadzli Adam et.al (2015) berdasarkan keadaan ini, pendakwah siber dapat dibahagikan kepada beberapa kategori. Kategori pertama ialah pendakwah tulen yang memiliki autoriti dalam bidang agama serta dikenali dalam kalangan masyarakat. Kategori yang kedua ialah golongan pendakwah tulen yang hanya boleh dikesan melalui ketinggian ilmunya dalam mengupas isu-isu Islam tetapi kemasyhurannya belum dikenali dalam kalangan masyarakat. Kategori yang ketiga pula ialah golongan bukan agamawan tetapi berminat dengan menjalankan dakwah dan penyebaran maklumat agama melalui media baharu.

Dalam konteks ini juga, Islam menganjurkan sikap perlu berhati-hati dan menilai sesuatu mesej atau maklumat dengan cermat kerana dibimbangi akan membawa pengaruh yang buruk kepada penerima mesej, tambahan pula dalam konteks dunia globalisasi di mana secara amnya media baharu lebih didominasi oleh musuh Islam yang mempunyai pelbagai prejedis khususnya terhadap Islam. (Aminudin Basir et.al 2009). Dalam surah al-Hujurat, Allah SWT memberikan penekanan terhadap sikap berhati-hati dalam membuat semakan bagi sebarang khabar yang diterima melalui firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَارِسٌ قَرِيبًا فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا

فَعُلِّمْتُمْ نَادِمِينَ ٦

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu orang fasik yang membawa berita maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada satu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan kamu”. (Quran 49:6)

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian kajian-kajian lepas, dapatlah disimpulkan bahawa menurut kajian literatur secara keseluruhannya, media baharu memberikan pengaruh yang besar terhadap masyarakat khususnya golongan remaja. Pengaruh ini melibatkan tiga aspek penting iaitu emosi, kognitif dan psikomotor, namun apa yang lebih membimbangkan adalah impak media baharu ini terhadap penyebaran dan penerimaan maklumat berkaitan agama Islam. Dalam konteks ini, ajaran Islam

menganjurkan sikap cermat dan berhemah serta menilai sesuatu mesej atau maklumat yang diterima. Bahkan sebagai penyebar maklumat, seseorang itu hendaklah mematuhi nilai dan adab ilmu yang digariskan oleh Al-Quran dan As-Sunnah. Kajian literatur ini diharap memberikan sedikit panduan kepada para pengguna media baharu khususnya sikap terhadap penerimaan dan penyebaran ilmu berkaitan agama Islam. Walaupun media baharu dilihat sedikit demi sedikit mula mengambil alih fungsi media tradisional sebagai medan yang efektif dalam penyebaran ilmu, namun masyarakat khususnya yang beragama Islam perlu lebih berhati-hati dan menggunakan medium ini sebagai salah satu platform dakwah dan wasilah untuk menguatkan nilai tradisi Melayu yang telah diamalkan di Malaysia sejak zaman berzaman.

RUJUKAN

- Al-Quran. Sayyid Qutb. t.th. *Tafsīr Fī Zilālil Quran. Tafsir Di Bawah Bayangan Al-Quran*. Terj: Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob. 2010. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ahmad Zahirudin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. 2014. Membina Pengisian Berpengaruh Dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwah. *Jurnal Al-Hikmah* 6(2), 2014: 78-90.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa. 2009. Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* Bil. 2 (2009) 65-82.
- Dahl, R.A. 1999. *On Democracy*. New Haven: Yale University Press.
- Fadzli Adam, Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar & Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. 2015. Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. Bil. 9 Januari 2015.
- George, C. 2012. *Freedom Form The Press: Journalism and State Power In Singapore*. London: Routledge.
- Isama-Ae Bin Madiyoh. 2011. *Kecenderungan Remaja Islam Terhadap Program Dakwah di Masjid Bandar Puncak Alam Kuala Selangor, Selangor*. Tesis Sarjana Muda. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Jamilah Mohd Noor. 2014. *Keberkesanan Pendidikan Akhlak Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seremban Negeri Sembilan*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya
- Klimkiewicz, B. 2010. *Media Freedom and Pluralism*. Budapest: Central European University Press.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. 2005. *Media freedom in Malaysia*. Journal of Contemporary Asia 35(3): 341-367.

- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah. 2015. Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication, Jilid 31(2) 2015: 33-46.*
- Musa Abu Hasan. 2008. *Memanfaatkan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi ICT Untuk Semua (Siri Syarahan Inaugural)*. Dewan Persidangan Pusat Pendidikan Luar Universiti Putra Malaysia. 15 Ogos 2008. Penerbit Universiti Putra Malaysia: Serdang.
- Norazleen Mohd Nor, Edwin Michael, Afi Roshezry Abu Bakar, Ira Meilita Ibrahim & Mohd Azmir Mohd Nizah. 2011. Media Baru Dan Demokrasi Di Malaysia: Ke Arah Perpaduan Nasional. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional. Kuala Lumpur. 14-16 Disember 2011.
- Nur Aina Mohd. Yaakop, Nor Fatin Halim, Mohd Shauqi Musa & Md Rozalafri Johori. 2013. Tekno-Daie: Peranan & Cabaran Daie Di Alam Maya. Bicara Dakwah kali ke-14. 8hb Oktober 2013. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM dengan Kerjasama Kumpulan Penyelidikan Dakwah, Kerohanian, dan Pembangunan Islam & Kelab Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. 2011. Media Baharu Yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia Malaysian Journal Of Media Studies, Vol. 13, No. 2, 2011: 93–110.*
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. 2016. Laporan Tahunan. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Annual-Report- 2016.pdf> [4 November 2017].
- Totok Wahyu Abadi, Fandrian Sukmawan & Dian Asha Utari. 2013. Media Sosial Dan Pengembangan Hubungan Interpersonal Remaja Di Sidoarjo. *Jurnal KANAL, Vol. 2, No. 1, September 2013. Hlmn 95-106*
- Yahya Abdul Rahman. 2017. Impak Kawalan State Terhadap Kebebasan Media Di Malaysia. *Journal Of Sciences and Humanities. Special Articles (December, 2017): 004 ISSN: 1823-884x*
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan. 2017. Media Baharu Dan Institusi Raja Di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-Raja Di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication Jilid 33(1)2017: 406-422.*
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. 2013. Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *Jurnal O-jIE (The Online Journal Of Islamic Education), Januari 2013, Vol 1, issue 1.*
- Zawiyah Mohd Zain, Mohamad Agus Yusoff, & Zaheruddin Othman. (2015). Internet dan kebangkitan demokrasi siber di Malaysia: Analisis pilihan raya umum 1999 dan 2008. *Malaysian Journal of Society and Space, 11(6), 56-66.*